

# Penyakit kritikal tidak mendiskriminasi.

## **PRU**My Critical Care

Ayuh kita bertindak dengan penyelesaian penyakit kritikal kami yang komprehensif dan mampu milik.

Insurans Perlindungan



**PRUDENTIAL**

Mendengar. Memahami. Melaksana.



PERLINDUNGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM") UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT SIJIL/POLISI INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Prudential Assurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

# JADIKAN PERLINDUNGAN PENYAKIT KRITIKAL #MATLAMATHIDUP ANDA

Kanser, strok/angin ahmar, serangan jantung, dan penyakit-penyakit kritikal lain boleh menyerang pada bila-bila masa. Ia tidak peduli sama ada anda muda, cergas atau kuat. Bukan itu saja, proses pemulihan juga boleh menjadi sukar. Selain daripada kos perubatan, anda mungkin juga perlu mengambil kira perbelanjaan lain seperti kehilangan sumber pendapatan dan sebagainya. Persoalannya, adakah anda bersedia daripada segi kewangan?

Dengan PRUMy Critical Care, anda akan dilindungi dengan pembayaran sekaligus bagi membiayai kos selain daripada yang dilindungi polisi perubatan. Sesuaikan pelan perlindungan mengikut keperluan dan bajet anda - daripada serendah RM100.

**AYUH KITA BERTINDAK.**

# TIDAK KIRA KEPERLUAN ANDA, KAMI ADA PELAN UNTUK ANDA

## PRUMy Critical Care



✓ Insurans Hayat



✓ Penyakit Kritikal



✓ Kemalangan



✓ Faedah Pembayar



✓ Perubatan

RM  
bln **277**

*Nota: Premium bulanan yang dinyatakan di atas adalah berasaskan umur 20, kelas pekerjaan 1, Lelaki Bukan Perokok, Sasaran Kemampunan (Tempoh Polisi) umur 80 dengan lanjutan automatik<sup>^</sup>, dan 100% dana ekuiti.*

*<sup>^</sup>Produk ini didatangkan dengan Perlanjutan Tempoh Perlindungan untuk melanjutkan tempoh pelan asas sehingga Ulang Tahun Polisi yang mana Hayat Yang Diinsuranskan mencapai umur 100 tahun. Bagi rider(-rider), jika berkenaan, tempoh rider akan dilanjutkan sehingga Ulang Tahun Polisi yang mana Hayat Yang Diinsuranskan mencapai umur 100 tahun atau tempoh perlindungan maksimum bagi rider, mana-mana yang lebih awal. Melainkan anda memohon untuk membatalkan Perlanjutan Tempoh Perlindungan, polisi anda akan dilanjutkan secara automatik selagi ia mempunyai nilai unit-unit yang mencukupi untuk menolak bayaran caj-caj, yuran-yuran dan cukai-cukai yang berkaitan semasa tempoh yang dilanjutkan. Untuk memastikan nilai unit-unit yang mencukupi, premium tambahan mungkin diperlukan dalam tempoh yang dilanjutkan. Semasa tempoh perlindungan yang dilanjutkan, perlindungan daripada pelan asas dan rider(-rider) (jika berkenaan) akan tetap sama.*

# BERDIRI TEGUH MENENTANG 160 KEADAAN

Jika sesuatu berlaku kepada anda, kami bersedia membantu agar anda boleh fokus pada kesihatan dan pemulihan diri.



Pembayaran sekaligus membantu anda membiayai perbelanjaan selain daripada kos perubatan.

## 160

Perlindungan komprehensif sehingga 160 keadaan.



Perlindungan penyakit kritikal dari peringkat awal hingga akhir.



# BANGKIT MELAWAN BILA PENYAKIT KRITIKAL MENYERANG LAGI

Walaupun ada kemungkinan penyakit kritikal boleh berulang, kami tidak mahu anda risau, malah kami boleh bantu anda bangkit melawannya.



Perlindungan diagnosis semula bagi kategori Kanser, Serangan Jantung dan Strok / Angin Ahmar sebelum usia 85 tahun. (Keadaan tidak boleh berkaitan dengan diagnosis pertama).<sup>1</sup>



Tuntutan maksimum untuk diagnosis semula boleh dibuat sehingga 200% jumlah diinsuranskan rider bagi setiap kategori di bawah diagnosis semula.

<sup>1</sup>Diagnosis Kanser yang berikut mestilah Kanser primer terbaru yang keseluruhannya tidak berkait dengan tuntutan Kanser pertama dan berlaku di organ atau bahagian lain dan bukan jangkitan sekunder (metastasis) Kanser yang sebelumnya. Diagnosis untuk Kanser yang berikut (untuk mana-mana peringkat) mestilah sekurang-kurangnya 3 tahun selepas diagnosis untuk Kanser pertama. Diagnosis Serangan Jantung atau Strok / Angin Ahmar yang berikut mestilah tidak berkaitan dengan tuntutan Serangan Jantung atau Strok / Angin Ahmar pertama. Diagnosis Serangan Jantung atau Strok / Angin Ahmar peringkat akhir yang berikut mestilah sekurang-kurangnya 1 tahun selepas diagnosis Serangan Jantung atau Strok / Angin Ahmar peringkat akhir yang pertama. Rider akan ditamatkan jika rider sudah membayar manfaat kumulatif lebih daripada 100% daripada jumlah diinsuranskan rider pada umur 85 tahun pada hari jadi akan datang. Jika belum, rider akan terus melindungi sehingga 100% daripada jumlah diinsuranskan rider daripada umur 85 tahun pada hari jadi akan datang dan seterusnya.



# PERINGKAT AWAL ATAUPUN AKHIR, KAMI MELINDUNGI ANDA

Pelan penyakit kritikal mampu milik kami menyediakan perlindungan agar anda boleh menentang pelbagai keadaan pada mana-mana peringkat.



Tuntutan berganda sehingga 400% daripada jumlah diinsuranskan rider untuk peringkat penyakit kritikal yang berbeza (maksimum 100% untuk setiap kategori).<sup>2</sup>



Peringkat awal dan pertengahan: Pembayaran 50% jumlah diinsuranskan rider.<sup>3</sup>



Peringkat akhir: Pembayaran 100% jumlah diinsuranskan rider.

<sup>2</sup>Rider akan ditamatkan jika rider sudah membayar manfaat kumulatif lebih daripada 100% daripada jumlah diinsuranskan rider pada umur 85 tahun pada hari jadi akan datang. Jika belum, rider akan terus melindungi sehingga 100% daripada jumlah diinsuranskan rider daripada umur 85 tahun pada hari jadi akan datang dan seterusnya.

<sup>3</sup>Maksimum 4 tuntutan dibolehkan untuk penyakit kritikal awal (terdiri daripada peringkat awal dan peringkat pertengahan) terhadap kepada RM350,000 seumur hidup.



# LINDUNGI DIRI DENGAN MANFAAT ISTIMEWA

Manfaat Istimewa kami menyediakan perlindungan tambahan apabila anda memerlukannya.



Perlindungan Manfaat Istimewa membayar 20% jumlah rider diinsuranskan untuk keadaan berkaitan diabetes dan sendi.<sup>4</sup>



Pembayaran sekaligus bagi Manfaat Istimewa ini tidak akan mengurangkan jumlah diinsuranskan rider.



<sup>4</sup> Jumlah pembayaran menyeluruh Manfaat Istimewa terhad kepada RM100,000 seumur hidup.



Untuk maklumat lanjut, layari laman web di [www.prudential.com.my](http://www.prudential.com.my) atau hubungi salah satu Perancang Kekayaan Prudential yang mesra. Kami sentiasa sedia membantu.

### Nota Penting & Penafian

- **PRU**My Critical Care adalah penyelesaian yang ditawarkan oleh produk kami, **PRU**With You sebagai pelan asasnya dan Total Multi Crisis Care sebagai rider penyakit kritikal utama, dan diunderait oleh Prudential Assurance Malaysia Berhad 198301012262 (107655-U), yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.
- **PRU**My Critical Care terdiri daripada komponen yang boleh dibeli secara berasingan dan anda tidak diwajibkan untuk memilik semua komponen pakej ini. Sebarang rujukan umur adalah berdasarkan Umur Pada Hari Jadi Akan Datang. Risalah ini tidak boleh ditafsirkan sebagai bahan jualan dan tidak dimaksudkan sebagai tawaran atau permintaan untuk pembelian atau penjualan sebarang instrumen / produk kewangan. Anda hendaklah memastikan bahawa polisi ini (termasuk rider) menepati keperluan anda dan anda mampu membayar amaun premium yang perlu dibayar di bawah polisi ini. Untuk berbuat demikian, kami menyarankan anda supaya berbincang dengan Perancang Kekayaan Prudential anda yang akan membuat analisis keperluan dan membantu anda membuat keputusan berdasarkan maklumat yang diberikan. Anda juga boleh menghubungi terus syarikat insurans untuk maklumat lanjut. Kos insurans yang dicaj untuk rider Insurans Perubatan dan Kesihatan ditunjukkan di laman web Prudential.
- Risalah ini hanya mengandungi keterangan ringkas produk dan adalah tidak lengkap. Untuk senarai lengkap manfaat, pengecualian, tempoh menunggu dan terma-terma dan syarat-syarat lain, anda dinasihatkan supaya merujuk Lampiran Keterangan Produk **PRU**With You, Ilustrasi Produk dan Lembaran Fakta Dana (jika ada) sebelum membeli sesuatu polisi, serta merujuk kepada terma dan syarat dalam dokumen polisi untuk butir-butir mengenai ciri-ciri penting polisi.
- Anda boleh memohon untuk membatalkan Perlanjutan Tempoh Perlindungan selepas polisi anda dikeluarkan, ini akan menyebabkan perlindungan anda berakhir pada tempoh polisi asal. Sebarang permintaan berikutnya untuk memohon semula Perlanjutan Tempoh Perlindungan adalah tertakluk kepada pengunderaitan.
- Mengandaikan seorang lelaki, berumur 20 tahun, bukan perokok membeli polisi **PRU**My Critical Care dengan Jumlah Diinsuranskan Asas RM100,000, Total Multi Crisis Care RM100,000, Acci Guard Plus RM100,000, Acci Med Plus RM5,000, Acci Income Plus 3 unit, **PRU**Value Med RM1,000,000 R&B RM200 dengan Med Saver RM300, **PRU**Value Med Booster dan Payor Basic, tempoh polisi sehingga umur 80 tahun dengan lanjutan automatik, 100% dana ekuiti, dengan pembayaran premium bulanan melalui kad kredit, anggaran jumlah premium yang harus dibayar:



Jumlah premium yang harus dibayar berdasarkan tempoh perlindungan sehingga umur 80 tahun	Untuk meningkatkan kemampanan polisi anda sehingga umur 100 tahun	
	Alternatif 1	Alternatif 2
RM277.00 bulanan daripada umur 20 sehingga umur 79	<p>Kami menasihatkan anda untuk terus membayar jumlah premium yang harus dibayar dalam tempoh yang dilanjutkan.</p> <p>Tambahan pula, penambahan Tokokan Premium Berkala sebanyak RM24.00 bulanan adalah dicadangkan daripada umur 20 sehingga akhir Perlanjutan Tempoh Perlindungan.</p> <p><u>Jumlah premium yang harus dibayar:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>– RM301.00 bulanan daripada umur 20 sehingga umur 99.</li> </ul>	<p>Kami menasihatkan anda untuk terus membayar jumlah premium yang harus dibayar dalam tempoh yang dilanjutkan.</p> <p>Tambahan pula, penambahan Tokokan Premium Berkala sebanyak RM2,356.00 bulanan adalah dicadangkan daripada umur 80 tahun sehingga akhir Perlanjutan Tempoh Perlindungan.</p> <p><u>Jumlah premium yang harus dibayar:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>– RM277.00 bulanan daripada umur 20 sehingga umur 79.</li> <li>– RM2,633.00 bulanan daripada umur 80 sehingga umur 99.</li> </ul>

*Nota-nota:*

- Premium adalah tidak terjamin dan mungkin berubah pada masa akan datang bergantung kepada pulangan pelaburan sebenar, pembayaran premium, manfaat-manfaat polisi dan caj-caj (termasuk sebarang semakan semula caj insurans). Anda boleh merujuk kepada penyata tahunan untuk amaun Tokokan Premium Berkala yang dicadangkan, yang dikemas kini setiap tahun, untuk meningkatkan kemampanan polisi sehingga tempoh yang dilanjutkan (berdasarkan Alternatif 1 di atas), dan boleh mempertimbangkan untuk membuat tokokan premium anda dari semasa ke semasa untuk meningkatkan kemampanan polisi anda. Kami akan memaklumkan anda sekurang-kurangnya 90 hari sebelum Perlanjutan Tempoh Perlindungan jika terdapat sebarang premium tambahan yang diperlukan dalam tempoh yang dilanjutkan.
- Jika polisi anda dilampirkan dengan rider payor, anda mungkin perlu meningkatkan jumlah diinsuranskan untuk rider payor disebabkan peningkatan premium untuk menampung tempoh yang dilanjutkan (tertakluk kepada pengunderaitan) atau sebarang semakan semula caj insurans. Jika polisi anda di bawah status tuntutan payor dan peningkatan premium diperlukan, anda mungkin perlu membayar amaun premium tambahan yang tidak dilindungi oleh syarikat untuk meningkatkan kemampanan polisi anda.
- Umur yang dinyatakan dalam jadual di atas merujuk kepada umur Hayat Yang Diinsuranskan pada Ulang Tahun Polisi.
- Sila rujuk Lampiran Keterangan Produk untuk maklumat selanjutnya.

SILA AMBIL PERHATIAN BAHAWA INI ADALAH PRODUK INSURANS YANG DIKAITKAN DENGAN PRESTASI ASET PENDASAR, DAN BUKANNYA PRODUK PELABURAN TULEN SEPerti UNIT AMANAH.

03/2024